

WAKTU PERKHIDMATAN

Isnin – Jumaat : 8:30 pagi – 9:30 malam
Sabtu/Ahad : 9:00 pagi – 4:00 petang
Cuti Umum : Tutup

Waktu perkhidmatan terkini boleh diakses melalui <http://www.lib.usm.my>

PERATURAN PERPUSTAKAAN

- Ahli berdaftar sahaja dibenarkan masuk ke Perpustakaan
- Semasa di dalam Perpustakaan, ahli tertakluk kepada peraturan Perpustakaan.
- Kad Keahlian perlu dipamerkan semasa di dalam Perpustakaan dan **TIDAK** boleh bertukar hakmilik kepada sesiapa pun.
- Ahli hendaklah berpakaian kemas dan sopan. Skirt mini, baju tanpa lengan & seluar pendek tidak dibenarkan.
- Telefon bimbit perlu berada di dalam mod **SENYAP** semasa berada di dalam Perpustakaan

DENDA LEWAT

- 10 sen sehari (Sila ambil resit pembayaran denda anda).

PENAMATAN KEAHLIAN

- Ahli-ahli yang ingin menamatkan keahlian mestilah memulangkan kesemua bahan Perpustakaan yang dipinjam.
- Surat rasmi perlu ditulis dan kad keahlian hendaklah dipulangkan. Perpustakaan akan menguruskan proses pemulangan wang cagaran jika ada.
- Jika resit anda hilang, anda perlu datang ke Perpustakaan untuk mengisi Borang Bon Indemniti.
- Perpustakaan boleh menamatkan keahlian pada bila-bila masa jika didapati ahli melanggar peraturan Perpustakaan dan Universiti.

DENDA GANTIAN BAHAN HILANG/ROSAK

- Denda bahan yang hilang /rosak adalah **DUA** kali ganda harga bahan berkenaan.
- Bahan yang hilang boleh diganti dengan bahan yang sama tajuk.
- Sebarang kehilangan bahan yang dipinjam mesti dilaporkan **SEGERA** kepada Pustakawan yang bertugas di Meja Penasihat Pembaca untuk tindakan selanjutnya.

PERTUKARAN ALAMAT

Sebarang pertukaran alamat hendaklah dimaklumkan kepada Perpustakaan dengan **SEGERA**.

MAKLUMAT LANJUT

Telefon : 04-6533720 (PHS 1)
Faks : 604-6571526
e-mel : infolib@usm.my
Alamat : Bahagian Sirkulasi
Perpustakaan Hamzah Sendut
Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang

Terima kasih :)

PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT



PANDUAN PERPUSTAKAAN UNTUK AHLI PUBLIK



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
LIBRARY | Universiti Sains Malaysia

infolib@usm.my

PENGENALAN

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan sebuah Perpustakaan Akademik. Keahlian hanya terdiri daripada staf dan para pelajar yang berdaftar. Perpustakaan USM turut menawarkan keahlian **TERHAD** kepada masyarakat di sekitarnya yang ingin menggunakan sumber maklumat Perpustakaan bagi tujuan penyelidikan, professional dan kerjaya. Koleksi Perpustakaan merupakan koleksi khusus dan relevan dengan program pengajian di Universiti selaras dalam menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta perundingan Universiti.

KEAHLIAN

Individu-individu yang tergolong dalam senarai di bawah boleh dipertimbangkan untuk menjadi Ahli Publik Perpustakaan:

1. Alumni Universiti Sains Malaysia.
2. Suami/Isteri dan anak (berumur 12 tahun ke atas) staf tetap yang sedang berkhidmat di USM. Sijil Nikah/Kelahiran/MyKid/MyKad atau dokumen yang berkenaan diperlukan.
3. Pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun dalam kategori Profesional/Pengurusan.
4. Eksekutif perniagaan, usahawan termasuk mereka yang berada di peringkat pertengahan dan para professional seperti doktor, guru peguam dan lain-lain.
5. Penyelidik bona fide.
6. Lain-lain permohonan yang mempunyai kehendak khas akan diteliti oleh Ketua Pustakawan dengan syarat permohonan dapat menunjukkan bukti tentang keperluan untuk menggunakan sumber Perpustakaan.

PROSEDUR MEMOHON

Surat permohonan hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pustakawan dengan memberikan butir-butir peribadi bersama-sama dokumen:

- Surat perakuan daripada majikan atau Ketua Institusi/Organisasi/Jabatan yang anda sedang bertugas
- Salinan Ijazah USM / Salinan Kad Pengenalan / Salinan Kad Alumni

Apabila permohonan diluluskan, anda dikehendaki membayar yuran perkhidmatan dan pendaftaran.

Anda juga perlu membuat bayaran yuran tahunan pada setiap tahun. Semua pembayaran perlu dibuat di Jabatan Bendahari USM semasa waktu pejabat sahaja. Salinan resit pembayaran hendaklah diserahkan kepada Perpustakaan untuk memproses kad keahlian anda.

YURAN KEAHLIAN PERPUSTAKAAN

Kategori	Yuran Pehidmatan (bayar sekali sahaja)	Yuran Pendaftaran (bayar sekali sahaja)	Yuran Tahunan	Cagaran
Alumni USM/ Kakitangan Kerajaan	RM100		RM100	
Pesara USM	RM50			
Suami/ Isteri/Anak Staf USM		PERCUMA		
Individu/ Swasta	RM100	RM50	RM400	

PEMBAHARUAN KEAHLIAN

- Semua bayaran yuran tahunan adalah untuk tempoh satu tahun
- Bayaran hendaklah dibuat di Jabatan Bendahari USM
- Notis Peringatan Perpustakaan akan dihantar setiap tahun bagi memperbaharui keahlian
- Sekiranya anda tidak memberi maklumbalas dalam tempoh satu bulan selepas notis dikeluarkan, keahlian anda akan dibatalkan.

KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

Koleksi Rak Terbuku	4 buah buku / 2 minggu
Majalah Kini & Surat Khabar	Di dalam Perpustakaan sahaja
Bahan Mikrobentuk	Di dalam Perpustakaan sahaja
Pinjaman Antara Perpustakaan	Untuk bahan fotostat sahaja
Bahan Media	Di dalam Perpustakaan sahaja
Pangkalan data	Di dalam Perpustakaan sahaja

Perkhidmatan dan kemudahan lain boleh diperolehi dengan kebenaran Ketua Pustakawan.

PEMBAHARUAN PINJAMAN

Pembaharuan pinjaman bahan yang belum melewati tarikh pemulangan boleh diperbaharui untuk SATU kali sahaja menerusi:

- Laman web Perpustakaan www.lib.usm.my
- Telefon: PHS 1 04-6533720 @ PHS 2 04-6532582
- e-mel: infolib@usm.my

Pembaharuan tidak dibenarkan sekiranya bahan yang dipinjam telah ditempah oleh ahli lain. Perpustakaan USM berhak memanggil balik bahan-bahan yang dipinjam pada bila-bila masa walaupun sebelum tarikh pemulangan.